



Liberty
Insurance®

**Insurans Pengembara -
Travelstar
Terma & Syarat**

Pelan Insurans Perjalanan TravelStar

BAGAIMANA INSURANS ANDA BEROPERASI

Polisi ini ialah Polisi Insurans Perjalanan anda. Sila semak polisi untuk memastikan anda mendapat perlindungan yang anda kehendaki.

Polisi Insurans Perjalanan anda ialah kontrak antara kami, Liberty General Insurance Berhad dan anda, pemegang polisi ini, bagi pihak orang yang diinsuranskan yang dinamakan di sini. Cadangan, pengisytiharan dan sebarang maklumat yang diberikan merupakan asas kontrak ini.

Dengan mengambil kira anda membayar kami premium yang dikehendaki, kami bersetuju untuk melindungi anda dengan cara dan sehingga setakat yang dinyatakan dalam Polisi ini, berhubung dengan peristiwa yang berlaku semasa Tempoh Insurans, atau bila-bila tempoh berikutnya yang anda membayar dan kami menerima premium yang dikehendaki.

TAKRIF PERKATAAN

Sesetengah perkataan telah ditakrif. Perkataan-perkataan ini mempunyai makna yang sama setiap kali ia digunakan dalam Polisi Insurans Perjalanan seperti berikut:

Orang yang diinsuranskan/Anda:

Setiap orang yang dinamakan dalam Sijil Insurans mestilah Penduduk Tetap Malaysia, Pemegang Permit Kerja, Pemegang Pas Pekerjaan atau sekiranya tidak hendaklah diambil bekerja secara sah di Malaysia dan/atau ialah Pasangan dan Anak-anak mereka.

Kami/Syarikat Insurans:

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P).

Amaun Lebihan:

Bahagian pertama bagi setiap tuntutan yang perlu anda tanggung sendiri.

Penjelajahan Berbahaya:

Mendaki gunung, menuruni tebing atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan tali atau pendakian lain, terjun *bungee*, berakit atau berkayak yang melibatkan jeram berarus deras, terbang atau aktiviti udara lain, ski jet, aktiviti bawah air melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan artifisial pada kedalaman melebihi 9 meter, perlumbaan (selain daripada berjalan/berlari), perlumbaan ski geluncur, ski gaya bebas termasuk penggunaan kereta geluncur, peluncur udara, sebarang bentuk aktiviti sukan profesional dan pertandingan dan percutian sukan terancang dan sebarang aktiviti lain yang memerlukan tahap kemahiran dan melibatkan pendedahan kepada risiko.

Keadaan yang sedia wujud:

Apa-apa kecederaan, penyakit atau keadaan atau gejala:-

- yang rawatan atau pembedahan atau nasihat atau diagnosis telah diminta atau diperoleh atau telah dijangka dalam tempoh dua belas bulan sebelum perjalanan dimulakan.
- yang telah diketahui atau tidak diketahui oleh anda wujud sebelum perjalanan dimulakan tidak kira sama ada rawatan atau pembedahan atau nasihat atau diagnosis telah diminta atau diperoleh.

Rumah:

Tempat tinggal anda yang biasa ketika di Malaysia.

Wilayah Asal:

Malaysia.

Perjalanan:

Perjalanan atau percutian yang bermula apabila anda meninggalkan rumah anda atau perniagaan di wilayah asal anda (yang mana lebih lewat) sehingga masa anda kembali ke rumah anda atau wilayah asal anda (yang mana lebih awal) setelah penamatan perjalanan. Walau apa sekalipun, ia tidak bermula lebih daripada 24 jam sebelum masa perjalanan dijadualkan atau tamat lebih daripada 24 jam selepas masa kembali dijadualkan ke wilayah asal anda.

Mana-mana perjalanan berikutnya, yang bermula selepas anda pulang ke rumah, tidak akan diliputi. Walau bagaimanapun, bilangan maksimum hari bagi satu perjalanan ialah 185 hari selain perlindungan sehala yang terhad kepada 90 hari.

Perlindungan sehala:

Perjalanan yang bermula apabila anda meninggalkan rumah anda sehingga masa anda dijadualkan tiba di destinasi terakhir anda atau luputnya Tempoh Insurans yang mana lebih awal. Apa-apa perhentian mestilah tidak melebihi 30 hari kecuali kelewatan adalah di luar kawalan anda.

Tempoh Insurans:

Di bawah Seksyen 3 (perkara 11), insurans berkuat kuasa pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan dan berakhir pada permulaan perjalanan yang dirancang. Berkenaan dengan kesemua seksyen lain, Tempoh Insurans bermula apabila orang yang diinsuranskan meninggalkan wilayah asalnya (dengan syarat perlindungan tidak bermula lebih daripada 24 jam sebelum masa perjalanan dijadualkan atau berakhir lebih daripada 24 jam selepas ketibaan dijadualkan di wilayah asalnya) sehingga ke waktu dia kembali ke rumahnya atau perniagaan di wilayah asalnya atau apabila luputnya Tempoh Insurans, yang mana yang lebih awal.

Hal ini tidak terpakai ke atas perlindungan sehala yang perlindungannya berakhir 72 jam dari waktu ketibaan dijadualkan di destinasi luar negara anda yang terakhir atau apabila luputnya Tempoh Insurans yang mana lebih awal. Apa-apa perhentian mestilah tidak melebihi 30 hari kecuali kelewatan adalah di luar kawalan anda.

Pemendekan perjalanan:

Memendekkan perjalanan dengan kembali lebih awal ke rumah anda selepas permulaan perjalanan.

Bagasi peribadi:

Setiap satu beg baju anda, peti dan bekas yang sama sifatnya dan isi kandungannya dan artikel yang anda pakai atau bawa termasuk barangan berharga anda.

Barangan berharga:

Item yang digubah dengan logam bernilai atau batu bernilai, barang kemas, jam tangan, pakaian bulu, artikel emas dan perak, kamera (termasuk kamera digital) dan aksesori, teropong dan komputer riba.

Wang peribadi:

Wang kertas mata wang, tunai, cek, kiriman wang dan wang pos, setem pos semasa, cek pengembara, kupon atau baucar yang mempunyai nilai kewangan dan tiket perjalanan, kesemuanya dibawa untuk kegunaan peribadi anda semasa berada di luar rumah anda dan semasa dalam simpanan anda pada setiap masa kecuali disimpan dalam peti keselamatan hotel.

Ahli keluarga:

Pasangan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk/nenek, anak-anak, cucu, abang/adik lelaki, kakak/adik perempuan dan anak angkat yang sah atau adik-beradik anda, kesemuanya penduduk wilayah asal anda.

Pelan keluarga:

Anda, pasangan sah anda dan kesemua anak anda yang berumur 18 tahun ke bawah. Pasangan anda dan setiap anak anda menerima manfaat yang sama seperti anda kecuali manfaat kematian di bawah Seksyen 1 dimana setiap anak layak untuk menerima RM25, 000 & RM75, 000 bagi kecacatan kekal dan total.

Penyakit:

Apa-apa kemerosotan kesihatan yang tiba-tiba dan tidak dijangka yang disahkan oleh Pengamal Perubatan yang berdaftar atau berkelayakan semasa Tempoh Insurans.

Kecederaan:

Kecederaan anggota yang berlaku di mana-mana tempat di dunia yang hanya disebabkan oleh kemalangan dan bukannya penyakit atau keletihan fizikal atau mental secara berperingkat yang berlaku semasa Tempoh Insurans.

Hospital:

Institusi yang dilesenkan secara sah sebagai hospital perubatan atau pembedahan di negara di mana ia berada. Ia mestilah berada di bawah penyeliaan yang berterusan seorang Doktor.

Pengamal perubatan / Doktor:

Pengamal perubatan yang berkelayakan yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Perubatan di negara di mana rawatan diberikan dan seorang yang memberikan rawatan sedemikian dalam skop perlesenan dan latihannya.

Kemalangan:

Apa-apa peristiwa yang tiba-tiba atau tidak dijangka dan ganas yang berlaku ke atas orang yang diinsuranskan, yang disebabkan secara langsung dan bebas oleh tindakan yang berpunca daripada luar, selain sebarang kecederaan yang dilakukan sendiri dengan niat.

Pengangkutan:

Entiti yang membawa anda dan barangan anda semasa perjalanan menggunakan kenderaan darat, air atau udara yang beroperasi di bawah lesen bagi pengangkutan penumpang.

Pengangkutan Berjadual:

Pengangkut Berjadual bermaksud pesawat, kereta api atau kapal laut berjadual yang mana pesawat, kereta api dan kapal laut tersebut tersenarai dengan pihak berkuasa berkaitan di negara tempat pesawat, kereta api atau kapal laut tersebut didaftarkan dan mempunyai Sijil, Lesen atau kebenaran lain yang serupa untuk pengangkutan berjadual dan patuh kepada kebenaran yang sedemikian, menyediakan dan menyiarkan jadual dan tarif untuk perkhidmatan penumpang antara lapangan terbang, stesen kereta api dan pelabuhan yang dinamakan pada waktu yang biasa dan spesifik.

Perkhidmatan pengangkutan awam:

Mana-mana bas atau teksi yang dilesenkan atau perkhidmatan berjadual yang orang awam boleh gunakan pada perhentian yang diiktiraf sebagai penumpang berbayar.

KAWASAN GEOGRAFI

- Asia ditakrifkan sebagai Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Japan, Laos, Macau, Nepal, Filipina, Korea Selatan, Thailand, Taiwan, Vietnam, Pakistan, Maldives dan Sri Lanka atau.
- Seluruh dunia **tidak termasuk** Amerika Syarikat dan Kanada atau
- Seluruh dunia **termasuk** Amerika Syarikat dan Kanada.

SYARAT-SYARAT UMUM

Kami akan bertindak secara jujur dalam kesemua urusan kami dengan anda. Pada masa yang sama, pembayaran tuntutan yang berlaku dalam Kawasan Geografi terpilih semasa Tempoh Insurans adalah bergantung kepada:

1. Anda mematuhi perkara berikut:

- a) Mengambil tindakan yang biasa dan sepatutnya untuk mengelakkan kemalangan, kecederaan, kehilangan atau kerosakan seolah-olah insurans ini tiada.
- b) Melaporkan secara bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas kembali ke rumah anda, butiran penuh tentang apa-apa insiden yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini.
- c) Menyediakan Sijil Insurans sebelum tuntutan diserahkan.
- d) Menyerahkan kepada kami dengan serta-merta selepas diterima, setiap writ, saman, proses perundangan atau komunikasi lain yang bersangkutan dengan tuntutan.
- e) Memberikan kesemua maklumat dan bantuan yang mungkin kami perlukan dengan perbelanjaan ditanggung oleh anda (termasuk di mana perlu sijil perubatan dan butiran insurans isi rumah anda).
- f) Tidak mengaku liabiliti atau membuat tawaran atau janji atau bayaran tanpa persetujuan kami.
- g) Memberi notis dalam tempoh 24 jam kepada Polis tentang sebarang kehilangan atau pengangkut apabila kehilangan atau kerosakan berlaku semasa transit. Dalam kedua-dua kes, borang laporan mestilah diperoleh daripada Polis atau pengangkut dan diserahkan kepada kami.
- h) Tidak meninggalkan sebarang harta kepada kami.
- i) Mendapatkan nasihat perubatan tentang keupayaan membuat perjalanan apabila anda menerima rawatan perubatan sebagai pesakit dalam di hospital dalam tempoh 6 bulan sebelum tempahan perjalanan.
- j) Tidak melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perubatan atau secara spesifiknya untuk memperoleh rawatan perubatan.
- k) Tidak menerima prognosis terminal daripada pengamal perubatan berdaftar sebelum tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
- l) Tidak menunggu rawatan perubatan sebagai pesakit dalam di hospital pada tarikh Sijil Insurans dikeluarkan.
- m) Menghidapi apa-apa keadaan kerisauan yang telah didiagnos terdahulu.
- n) Tiada perubahan dan/atau tambahan pada cetakan terma dan syarat Polisi dianggap sah kecuali
- o) diharap di pejabat kami oleh pekerja yang dibenarkan oleh syarikat.

2. Anda mengiktiraf hak kami untuk:

- a) mengelak membayar apa-apa tuntutan palsu.
- b) mengambil alih dan menguruskan menggunakan nama anda pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Polisi ini.
- c) mengambil prosiding menggunakan nama anda tetapi dengan perbelanjaan kami untuk mendapatkan semula bagi faedah kami amaun apa-apa bayaran yang dibuat di bawah Polisi ini.
- d) tidak bertanggungjawab ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu Sijil Insurans Perjalanan dan/atau polisi untuk orang yang diinsuranskan yang sama berkaitan Tempoh Insurans yang sama yang dikeluarkan oleh Syarikat Insurans.
- e) membatalkan kesemua manfaat yang ada dalam polisi tanpa mengembalikan semula apa-apa premium apabila bayaran dibuat untuk pembatalan atau pemendakan

- perjalanan.
- f) hanya membayar sebahagian daripada tuntutan apabila ada insurans lain yang berkuat kuasa melindungi risiko yang sama dan meminta butiran insurans lain tersebut.
 - g) tidak mengembalikannya semula premium selepas Polisi dikeluarkan
 - h) membatalkan kesemua perlindungan di bawah Polisi ini serta-merta jika tuntutan adalah tidak jujur atau diperbesar dalam apa-apa cara dan kami berhak untuk melaporkan kepada polis tuntutan yang sedemikian.

3. Klausa Timbang Tara

Kesemua perbezaan yang timbul daripada polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan oleh Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak yang bertelagah atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, kepada keputusan oleh dua Penimbang Tara, setiap satunya dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh salah satu pihak atau dalam kes Penimbang Tara tidak bersetuju, oleh Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasukkan rujukan. Pengadil boleh berjumpa dengan penimbang Tara dan menjadi pengerusi dalam pertemuan mereka dan sesuatu anugerah mestilah satu keadaan duluan kepada apa-apa hak tindakan terhadap kami. Jika kami boleh menafikan liabiliti kepada anda atau wakil peribadi anda bagi apa-apa tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian tidak boleh dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut telah dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan itu bolehlah dianggap telah ditinggalkan dan tidak boleh selepas itu didapati kembali di bawah ini.

PENGECEUALIAN UMUM

Kami tidak akan membayar bagi apa-apa kerosotan, atau kerugian daripada kerosakan harta, atau apa-apa liabiliti guaman, kecederaan, penyakit, kematian atau perbelanjaan yang disebabkan oleh atau timbul daripada:

- a) Perang, serangan, tindakan musuh luaran, permusuhan (tidak kira sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, keganasan (bilamana ada kesan nuklear, kimia atau agen biologikal), pemberontakan atau rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa peristiwa atau penyebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
- b) Rusuhan atau kekecohan awam, pengurangan atau ancaman daripada peristiwa sedemikian
- c) HIV (Human Immunodeficiency Virus) dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) tidak kira bagaimana ia berlaku dan/atau sebarang bentuk terbitan mutan, variasi atau rawatannya tidak kira bagaimana ia berlaku.
- d) Kelewatan, perampasan, penahanan, rekuisisi, kerosakan, kemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh Kastam atau lain-lain Pegawai Kerajaan atau Pihak Berkuasa negara lain.
- e) Radiasi terion atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
- f) Letupan toksik radioaktif atau sifat lain yang berbahaya daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklearnya.

2. Kami tidak akan membayar untuk:
 - a) apa-apa kerugian turutan kecuali dinyatakan dalam Polisi.
 - b) apa-apa kerugian disebabkan oleh pertukaran apa-apa jenis mata wang .
 - c) tuntutan berkaitan bayi berumur 30 hari ke bawah dan seseorang berumur 80 tahun ke atas.
 - d) apa-apa bayaran yang biasanya anda lakukan semasa perjalanan anda, jika tidak terjadi apa-apa masalah.
3. Di bawah setiap Seksyen 1, 2 dan 3 (perkara 11 & 12) kami tidak akan membayar bagi kejadian yang disebabkan oleh:
 - a) perjalanan anda menggunakan pesawat (selain daripada pesawat penumpang yang berlesen).
 - b) rawatan perubatan yang mana semasa permulaan perjalanan diketahui diperlukan atau perlu diteruskan di luar wilayah asal.
 - c) rawatan atau perkhidmatan disediakan oleh spa kesihatan, rumah pemulihan atau penjagaan atau apa-apa pusat pemulihan .
 - d) anda menerima rawatan pesakit dalam atau dalam senarai menunggu untuk rawatan pesakit dalam.
 - e) anda menerima prognosis yang boleh membawa maut.
 - f) anda berniat membuat perjalanan walaupun ia bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau berniat untuk mendapatkan rawatan perubatan semasa perjalanan.
 - g) anda membunuh diri, mencederakan diri sendiri atau mendedahkan diri dengan sengaja kepada bahaya (selain daripada percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia).
 - h) anda berada di bawah pengaruh dadah atau salah guna bahan lain (selain daripada yang dipreskripsikan oleh pengamal perubatan berdaftar tetapi tidak dipreskripsikan untuk rawatan ketagihan dadah).
 - i) salah guna bahan palarut.
 - j) anda berada di bawah pengaruh alkohol atau arak yang memabukkan.
 - k) anda menyertai aktiviti berbahaya.
 - l) apa-apa kos rawatan berkaitan kehamilan, bersalin, keguguran, pengguguran atau putus haid melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan.
 - m) keadaan pra wujud.
 - n) pembedahan kosmetik.
 - o) pemeriksaan kesihatan bukan kecemasan.
 - p) kegagalan mendapatkan vaksinasi diperlukan sebelum permulaan perjalanan.
 - q) penyakit atau gangguan bersifat psikologi, tekanan perasaan, apa-apa keadaan kerisauan dan/atau tekanan perasaan, penyakit mental.
 - r) menunggang motorsikal (sebagai penunggang atau pembonceng).
 - s) apa-apa kerugian turutan yang tidak dinyatakan dalam polisi.
4. Di bawah Seksyen 2 dan 3, jumlah yang mana kami tidak bertanggungjawab ke atas setiap tuntutan adalah terhad kepada dua kali ganda Amaun Lebihan terkumpul di mana satu kejadian berkait kepada dua atau lebih ahli keluarga yang diinsuranskan di bawah Polisi ini.
5. Di bawah Seksyen 1, jika terdapat lebih daripada seorang orang yang diinsuranskan, liabiliti maksimum terkumpul kami berkaitan kesemua orang yang diinsuranskan yang menggunakan pesawat yang sama atau kenderaan darat atau kapal tidak boleh melebihi had pengangkutan sebanyak RM60,000,000 atau amaun terkumpul pampasan perlu dibayar kepada orang yang diinsuranskan tersebut, yang mana lebih rendah.

6. KLAUSA PENGECUALIAN KERUGIAN SIBER TERHAD

1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - 2.1. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - 2.4. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas;
 - 2.6. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer

SEKSYEN 1 – KEMALANGAN DIRI

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM250,000 untuk kecederaan anggota yang anda alami yang disebabkan seluruhnya oleh keadaan yang ganas, tidak disengajakan, luaran dan dapat dilihat yang berlaku dalam tempoh satu tahun berlakunya kejadian yang secara bebas dan tunggal menyebabkan manfaat seperti ditunjukkan di bawah.

Manfaat 1a	Kematian
Manfaat 1b	Kehilangan total dan kekal penglihatan pada satu atau kedua-dua mata atau kehilangan total disebabkan oleh putus secara fizikal atau kehilangan total dan kekal kegunaan kedua-dua tangan dan kaki.

Manfaat 1c	Kecacatan kekal dan total yang menghalang apa-apa dan apa jua penggajian atau pekerjaan
-------------------	---

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk:

Bagi Manfaat 1a, Manfaat 1b atau Manfaat 1c

Lebih daripada RM25, 000 (Manfaat 1a) dan lebih daripada RM75, 000 (Manfaat 1b atau 1c) apabila umur anda adalah 18 tahun dan ke bawah.

Bagi Manfaat 1a hingga 1c

- a) lebih daripada satu manfaat yang disebabkan oleh kecederaan yang sama.
- b) kecederaan yang disebabkan oleh kerja manual berkaitan apa-apa perniagaan, penggajian dan profesion.

Klausa Kehilangan:

Jika Anda membuat perjalanan dengan pesawat atau kenderaan udara atau laut yang lain dan berlaku kemalangan melibatkan pesawat itu yang menyebabkan karam, kerosakan atau kemusnahan pesawat atau kenderaan itu dan terdapat bukti yang banyak bahawa Anda telah mengalami Kecederaan Anggota yang menyebabkan kematian seperti yang diinsuranskan dalam polisi ini, Kami akan membayar kepada wakil guaman anda Manfaat Kematian Kemalangan setelah pengeluaran sijil kematian rasmi Anda. Bayaran dibuat tertakluk kepada syarat yang wakil guaman Anda menyediakan satu perjanjian bertanda tangan kepada Kami untuk menjamin bahawa jika kemudiannya diketahui yang anda masih hidup, mereka berjanji untuk dan atas permintaan, mengembalikan kepada Kami apa-apa jumlah yang telah Kami bayar di bawah Polisi ini.

SEKSYEN 2 – BELANJA PERUBATAN DAN BELANJA LAIN

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Bagi perkara-perkara berikut yang perlu dibelanjakan dalam Tempoh Insurans yang menyebabkan tuntutan akibat daripada kematian anda, kecederaan anggota atau penyakit semasa perjalanan di luar wilayah asal kecuali rawatan susulan.

Manfaat 2 & 3 – Luar Negara, Lain-Lain Perbelanjaan Perubatan & Rawatan Susulan

Pembayaran balik sehingga RM300, 000 (Skim Individu atau Keluarga) bagi yuran atau caj atau belanja yang munasabah untuk:

- a) perubatan, pembedahan, hospital, rumah penjagaan atau perkhidmatan penjagaan.
- b) rawatan perubatan kecemasan untuk melegakan sakit yang tiba-tiba atau rawatan kepada gigi asli yang elok dengan syarat kerosakan sedemikian hanya disebabkan oleh kecederaan.

Pembayaran balik untuk belanja perubatan susulan yang ditanggung berikutan anda kembali dari perjalanan anda ke wilayah asal anda adalah dihadkan kepada RM30, 000. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa akan dibayar berkenaan dengan belanja yang ditanggung lebih daripada 30 hari. Amaun keseluruhan yang perlu dibayar untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan negara dan di Malaysia mestilah tidak melebihi RM 330,000 bagi setiap orang dewasa yang layak.

Bagi Anak yang Layak yang dilindungi di bawah Skim Keluarga, amaun maksimum yang Kami akan bayar bagi setiap anak ialah RM30, 000. Perbelanjaan perubatan susulan untuk Rawatan yang ditanggung dalam 30 hari selepas Anda kembali dari Perjalanan Anda ke Malaysia adalah terhad kepada RM3, 000. Amaun keseluruhan yang perlu dibayar untuk perbelanjaan

perubatan yang ditanggung untuk Rawatan di luar negara dan di Malaysia mestilah tidak melebihi RM33, 000 bagi setiap Anak Yang Layak.

Manfaat 4 – Kos Pengebumian dan Pembakaran Mayat.

Pembayaran balik sehingga RM10, 000 untuk perbelanjaan sekiranya anda meninggal dunia (Skim Individu & Skim Keluarga).

a) pengebumian atau pembakaran mayat anda dalam kawasan di mana anda meninggal dunia dicampur dengan kos pengangkutan abu anda ke rumah anda.

Atau

b) pengangkutan mayat anda ke rumah anda.

Manfaat 5 – Manfaat Penginapan Hospital

RM250 bagi setiap hari penuh (Skim Individu atau Keluarga) anda ditahan di hospital sebagai pesakit dalam semasa tempoh perjalanan di samping yuran atau caj atau belanja yang dibayar di bawah Manfaat 2 di atas sehingga maksimum RM5, 000 kesemuanya.

Bagi Anak Yang Layak yang dilindungi di bawah Skim Keluarga, amaun maksimum yang Kami akan bayar bagi setiap anak ialah RM125 bagi setiap 24 jam penuh secara berturut tempoh penahanan di hospital.

Amaun keseluruhan yang perlu dibayar di bawah seksyen ini adalah tidak melebihi RM2, 500 bagi setiap Anak Yang Layak.

Manfaat 6 – Pampasan Penjagaan

Pembayaran balik sehingga RM5, 000 di bawah skim individu atau keluarga berkaitan penginapan tambahan yang munasabah dan perbelanjaan perjalanan terhad kepada tambang udara pergi balik kelas ekonomi yang ditanggung oleh ahli keluarga terdekat yang diperlukan untuk membuat perjalanan kepada atau dengan anda dan perlu bersama anda seperti nasihat doktor yang merawat anda, akibat daripada anda dimasukkan ke hospital melebihi 5 hari.

Manfaat 7 – Penjagaan Kanak-Kanak. Pembayaran Kos Perjalanan Pergi-Balik Kanak-Kanak Dengan Salah Seorang Ahli Keluarga.

Pembayaran balik sehingga RM5, 000 di bawah skim keluarga berkaitan penginapan tambahan yang munasabah dan perbelanjaan perjalanan dan tambang udara pergi balik kelas ekonomi yang ditanggung oleh ahli keluarga terdekat untuk menjaga dan/atau menemani kanak-kanak kecil yang berumur tidak melebihi 12 tahun, kembali ke rumah anda yang tidak dijaga akibat daripada anda dimasukkan ke hospital melebihi 5 hari.

Bagi setiap orang kami tidak akan membayar:

Di bawah Manfaat 2

- yuran atau caj untuk membaiki atau untuk membuat dentur atau gigi palsu.
- Apa-apa kerja pergigian melibatkan penggunaan logam berharga.
- Rawatan / pembaikan pergigian yang berpunca daripada kehausan yang biasa atau penjagaan normal kesihatan gigi.
- Apa-apa caj bagi rawatan tradisional.

e) Penjagaan oftalmologikal, kaca mata, kanta sentuh dan alat bantuan pendengaran atau preskripsi yang sama.

Di bawah Manfaat 4

a) yuran atau caj atau perbelanjaan untuk pengebumian atau pembakaran mayat anda dalam lingkungan wilayah asal anda.

Di bawah Manfaat 2 hingga 7

a) yuran atau caj atau perbelanjaan yang timbul daripada kerja manual berkaitan apa-apa perniagaan, penggajian dan profesion.

Di bawah Manfaat 6 dan 7

a) RM50 pertama bagi setiap insiden yang menyebabkan tuntutan

SEKSYEN 3 -KEHILANGAN & KESULITAN

Manfaat 8 – Hilang Bagasi Peribadi dan Barang-Barang Peribadi

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM4, 000 di bawah skim Individu berkaitan bagasi peribadi anda dan barangan peribadi (termasuk pakaian yang dipakai) dan sehingga RM8, 000 di bawah skim Keluarga disebabkan kecurian atau percubaan mencuri atau kerosakan kepada atau kehilangan bagasi peribadi anda dan barangan peribadi anda oleh pengangkut ditolak apa-apa kehausan atau susutnilai atau apa-apa pampasan yang dibayar sama ada oleh pengangkut atau pihak lain. Bagasi dan barangan peribadi mestilah dimiliki dan diiringi oleh anda dan termasuk beg pakaian, peti, bagasi tangan dan bekas yang sepertinya beserta dengan kandungannya.

Semua barang bernilai hanya dilindungi daripada kecurian dan hanya jika ia dibawa oleh anda atau semasa ia disimpan dengan dan di bawah penjagaan pihak hotel.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk

- apa-apa peristiwa yang disebabkan oleh:
 - RM50 pertama bagi setiap insiden yang menyebabkan tuntutan
 - Lebih daripada RM500 untuk setiap barang atau set barangan
 - Lebih daripada RM2, 000 keseluruhan bagi barangan bernilai.
 - Lebih daripada bahagian berkadar bagi nilai sesuatu barangan sepasang atau satu set sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan
- kehilangan atau kerosakan kepada:
 - haiwan
 - bon, setem, dokumen pengenalan, kad kredit dan bayaran, dokumen perjalanan, wang tunai, stok, instrumen boleh runding dan sekuriti atau apa-apa dokumen
 - kanta sentuh atau kanta kornea, kaca mata, alat bantuan pendengaran, tangan dan kaki palsu, gigi palsu atau perangkai gigi atau dentur.
 - Apa-apa juga jenis kosmetik
 - Filem, pita, kaset, katrij atau cakera
 - Barangan mudah rosak atau botol atau apa-apa kerosakan yang berlaku kemudiannya
 - Basikal, kerusi roda, kereta sorong, kereta tolak atau kereta bayi selain daripada apabila ia sedang dibawa menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan pengangkut
 - Harta benda yang diinsuranskan di tempat lain
 - Barangan bernilai kecuali ia sentiasa diawasi setiap masa

- oleh anda atau disimpan di peti hotel atau kotak deposit keselamatan
 - j) Wang peribadi
 - k) Barangan mudah pecah, peralatan muzik, ukiran atau barangan rumah disebabkan oleh retak, calar atau pecah
 - l) Telefon bimbit, alat kelui, peralatan komputer mudah alih (selain daripada komputer riba), termasuk pembantu digital peribadi dan aksesoriya dan peralatan untuk merakam suara dan/atau gambar dan aksesoriya
 - m) Peralatan sukan yang rosak semasa sedang digunakan
3. kerugian atau kerosakan disebabkan tekanan atmosfera atau keadaan cuaca, kehausan atau susutnilai, rama-rama atau binatang perosak, kerosakan beransur-ansur, kerosakan mekanikal atau elektrik atau kegilaan, tabiat buruk sedia ada.
 4. kerugian atau kerosakan ke atas bagasi peribadi semasa di luar dari penginapan semasa perjalanan anda kecuali ia diawasi sepanjang masa oleh anda
 5. kerugian atau kerosakan akibat kecurian pada kenderaan yang tidak dijaga kecuali ia tidak kelihatan dalam but kenderaan yang dikunci dan tingkap ditutup dan terdapat kesan pecah masuk
 6. kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecuaiannya di pihak anda
 7. kehilangan misteri
 8. kerugian atau kerosakan yang mana anda telah menerima pengganti atau pampasan daripada pengangkut atau pihak lain
 9. kerugian yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa dalam tempoh 24 jam selepas diketahui

Manfaat 9 – Hilang Wang Peribadi

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM800 di bawah skim Individu dan sehingga RM1,200 di bawah skim Keluarga berkaitan kehilangan tidak sengaja wang peribadi anda semasa perjalanan anda dengan syarat kehilangan itu dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam selepas insiden.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. kehilangan:
 - a) atau kecurian wang peribadi yang tidak dijaga di tempat awam atau akibat kegagalan anda untuk mengambil langkah berjaga-jaga bagi tujuan keselamatan wang tersebut.
 - b) Wang peribadi daripada kenderaan tidak berjaga kecuali ia berada dalam but berkunci atau tempat simpan berkunci kenderaan tersebut dan tidak kelihatan serta terdapat kesan pecah masuk
 - c) Wang peribadi dalam beg baju semasa transit melalui udara atau kapal laut atau kereta api dan di luar kawalan anda
 - d) Wang peribadi dalam sut atau jaket anda yang dibiarkan tidak berjaga di tempat awam atau semasa transit melalui udara atau dalam kapal laut atau kereta api dan di luar kawalan anda

- e) Cek pengembara yang mana pihak bank menyediakan perkhidmatan penggantian
 - f) Atau kerosakan semasa jajaan syarikat penerbangan atau pengangkut lain kecuali dilaporkan dengan segera selepas diketahui dan dalam kes syarikat penerbangan, laporan ketaksekataan harta diperoleh.
2. kekurangan yang disebabkan oleh kesilapan, tidak dimasukkan, tukaran atau penyusutan nilai
 3. kehilangan misteri

Manfaat 10 – Hilang Dokumen Perjalanan

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM5,000 di bawah skim Individu dan sehingga RM10,000 di bawah skim Keluarga bagi tambahan penginapan yang munasabah, and perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan komunikasi yang perlu ditanggung bagi mendapatkan pengganti pasport anda yang hilang semasa perjalanan anda dengan syarat yang anda telah membuat pengawasan keselamatan munasabah dan apa-apa kehilangan mestilah dilaporkan kepada polis dalam tempoh 24 jam kehilangan disedari.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar:

1. RM50 pertama bagi setiap insiden yang menyebabkan tuntutan
2. kerugian:
 - a) atau kehilangan pasport dan dokumen perjalanan yang ditinggal tidak berjaga di tempat awam atau disebabkan kegagalan anda untuk mengawasi dan mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi keselamatan dokumen perjalanan tersebut
 - b) pasport dan dokumen perjalanan dalam beg baju semasa transit yang di luar kawalan anda
 - c) pasport dan dokumen perjalanan dalam sut atau jaket anda yang ditinggal tidak berjaga di tempat awam atau semasa transit yang di luar kawalan anda
 - d) atau kerosakan semasa di bawah penjagaan syarikat penerbangan atau pengangkut yang lain kecuali dilaporkan dengan segera setelah diketahui dan dalam kes syarikat penerbangan, laporan ketaksekataan harta telah diperoleh
 - e) apa-apa perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi mendapatkan pengganti pasport anda yang hilang dan dokumen yang hilang di wilayah asal anda.
3. kehilangan misteri

Dokumen perjalanan termasuk pasport, visa, permit kemasukan, tiket pengangkutan dan baucar perjalanan.

Manfaat 11 – Pembatalan Perjalanan

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM15,000 di bawah skim individu atau keluarga berkaitan kehilangan penginapan peribadi atau caj pengangkutan dan perbelanjaan perjalanan tambahan yang telah dibayar atau dikontrakan untuk dibayar oleh atau untuk anda dan kerugian caj rombongan pra tempah dan pra bayar di wilayah asal anda oleh atau untuk anda yang tidak boleh didapati kembali daripada mana-mana sumber jika perjalanan anda terpaksa dibatalkan pada masa ia hendak dimulakan.

Manfaat di atas akan dibayar dalam keadaan berikut:

- a) pembatalan disebabkan kematian anda atau kematian mana-

- mana ahli keluarga terdekat anda
- b) pembatalan disebabkan penahanan anda atau mana-mana ahli keluarga terdekat anda di hospital akibat daripada kecederaan anggota atau penyakit serius
 - c) pembatalan disebabkan kematian teman perjalanan anda yang telah didaftarkan untuk perjalanan tersebut bersama anda dan merupakan orang yang diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans
 - d) pembatalan disebabkan penahanan teman perjalanan anda yang telah didaftarkan untuk perjalanan tersebut bersama anda dan merupakan orang yang diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans di hospital akibat daripada kecederaan anggota atau penyakit serius
 - e) pembatalan disebabkan rumah anda menjadi tidak boleh dihuni disebabkan kebakaran, ribut atau banjir atau bencana alam yang seumpamanya seperti gempa bumi, hurikan atau puting beliung

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar untuk:

1. RM50 bagi setiap insiden yang menyebabkan tuntutan
2. apa-apa peristiwa yang disebabkan oleh:
 - a) kegagalan anda untuk mendapatkan pasport atau visa
 - b) apa-apa keperluan, peraturan atau akta kerajaan
 - c) kelewatan disebabkan oleh pengangkut atau penjadualan semula di wilayah asal anda atau kelewatan permulaan perjalanan pada bila-bila masa di dalam atau di luar wilayah asal anda semasa perjalanan jika anda memilih untuk membatalkan perjalanan tersebut
 - d) tindakan, kelewatan atau perubahan pada jadual perjalanan yang ditempah atau kegagalan untuk menyediakan apa-apa bahagian daripada perjalanan ditempah termasuk kesilapan, ketidakmasukan atau keingkaran oleh pemberi perkhidmatan pengangkutan atau penginapan atau agen mereka atau mana-mana orang yang bertindak sebagai agen anda bagi apa-apa perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada percutian ditempah atau penginapan serta agen atau operator pelancongan yang melaluinya percutian atau penginapan ditempah.
 - e) Anda mengatur perjalanan anda melalui agen perjalanan tidak berdaftar
 - f) Kerosakan kenderaan anda sendiri
 - g) Keadaan kewangan anda
 - h) Rasa keberatan anda untuk membuat perjalanan atau anda kehilangan nikmat berkenaan perjalanan tersebut
 - i) keadaan cuaca selain daripada keadaan cuaca yang amat buruk di wilayah asal anda yang menghalang anda daripada sampai ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masanya untuk penerbangan atau pelayaran anda
3. apa-apa kerugian jika insurans ini tidak dibeli pada tarikh yang sama atau sebelum tarikh pendaftaran atau tarikh pembayaran penuh perjalanan anda.

Manfaat 12 – Pemendekan Perjalanan

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM15, 000 bagi skim individu atau keluarga berkaitan pengembalian bahagian yang tidak diguna dan bahagian tidak boleh dikembalikan daripada perjalanan anda berkadar dengan hari tidak digunakan yang telah dibayar atau

dikontrakkan untuk dibayar oleh anda atau untuk anda di wilayah asal anda sekiranya berlaku pembatalan yang wajar dan tidak dapat dielakkan oleh anda akibat daripada sebab-sebab yang di luar kawalan anda yang berlaku semasa perjalanan anda. Pengembalian semula bayaran penginapan akan berdasarkan pada jumlah hari perjalanan yang anda hilang. Sebahagian daripada perbelanjaan perjalanan akan dikembalikan semula hanya jika anda tidak boleh menggunakan tiket balik anda dan anda tidak menuntut perbelanjaan perjalanan balik di bawah Seksyen lain di bawah polisi ini.

Manfaat di atas akan dibayar dalam keadaan berikut:

- a) Pemendekan disebabkan kematian anda atau penahanan anda di hospital untuk tempoh perjalanan anda disebabkan kecederaan anggota atau penyakit
- b) Pemendekan disebabkan kematian tiba-tiba mana-mana ahli keluarga anda yang terdekat yang tinggal di wilayah asal anda
- c) Pemendekan disebabkan penyakit yang tidak dijangka atau kemalangan mana-mana ahli keluarga anda yang terdekat yang tinggal di wilayah asal anda yang memerlukan kemasukan ke hospital melebihi 48 jam.
- d) Pemendekan disebabkan oleh kematian teman perjalanan anda semasa perjalanan yang didaftarkan untuk perjalanan tersebut bersama anda dan merupakan orang yang diinsuranskan yang namanya dinyatakan dalam Borang Cadangan dan Sijil Insurans atau ditahan di hospital disebabkan kecederaan anggota atau penyakit serius.

Sekiranya berlaku pemendekan, pampasan bagi caj atau perbelanjaan prabayar yang tidak boleh dikutip semula akan dikira berdasarkan setiap hari yang disempurnakan daripada hari ketibaan semula ke wilayah asal anda kepada tarikh kembali dijadualkan seperti ditunjukkan pada invois tempahan.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar untuk:

1. RM50 pertama apa-apa kerugian, caj atau apa-apa perbelanjaan ditanggung berkaitan setiap tuntutan di bawah Seksyen ini.
2. apa-apa peristiwa yang diakibatkan oleh:
 - a) kegagalan anda untuk mendapatkan pasport atau visa
 - b) apa-apa keperluan, peraturan atau akta kerajaan
 - c) kelewatan disebabkan oleh pengangkut atau penjadualan semula di wilayah asal anda atau kelewatan permulaan perjalanan pada bila-bila masa di dalam atau di luar wilayah asal anda semasa perjalanan jika anda memilih untuk membatalkan perjalanan tersebut
 - d) tindakan, kelewatan atau perubahan pada jadual perjalanan yang ditempah atau kegagalan untuk menyediakan apa-apa bahagian daripada perjalanan ditempah termasuk kesilapan, ketidakmasukan atau keingkaran oleh pemberi perkhidmatan pengangkutan atau penginapan atau agen mereka atau mana-mana orang yang bertindak sebagai agen anda bagi apa-apa perkhidmatan yang menjadi sebahagian daripada percutian ditempah atau penginapan serta agen atau operator pelancongan yang melaluinya percutian atau penginapan ditempah.
 - e) Anda mengatur perjalanan anda melalui agen perjalanan tidak berdaftar
 - f) Kerosakan kenderaan anda sendiri
 - g) Keadaan kewangan anda
 - h) Rasa keberatan anda untuk membuat perjalanan atau anda kehilangan nikmat berkenaan perjalanan tersebut.
 - i) keadaan cuaca selain daripada keadaan cuaca yang amat buruk di wilayah asal anda yang menghalang anda daripada sampai ke lapangan terbang atau pelabuhan pada masanya untuk penerbangan atau pelayaran anda.

Manfaat 13 – Kegagalan Menyambung Penerbangan

Perjalanan

Sehingga RM300 di bawah Skim Individu dan sehingga RM600 di bawah Skim Keluarga untuk perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung untuk penginapan, makanan dan perjalanan yang tidak boleh didapati semula daripada sesiapa pun semasa anda dalam perjalanan di luar negara jika anda tertinggal pengangkutan sambungan berjadual seterusnya yang telah disahkan pada titik perpindahan disebabkan kelewatan tiba pengangkutan masuk anda yang telah disahkan dan anda tiada alternatif pengangkutan seterusnya dalam tempoh 8 jam berturut-turut selepas Ketibaan anda.

Manfaat 14 – Kelewatan Perjalanan

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

RM250 bagi setiap kelewatan 8 jam penuh dan/atau RM2,000 kesemuanya untuk skim Individu dan RM4,000 kesemuanya untuk skim Keluarga yang mana lebih rendah, pampasan jika jadual pesawat, kereta api atau kapal laut yang anda tempah lewat berlepas sekurang-kurangnya 8 jam pada mana-mana satu destinasi perhentian (termasuk transit) dari masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan pengangkut atau operator perjalanan semasa perjalanan anda dari wilayah asal anda atau kembali ke wilayah asal anda disebabkan oleh tindakan industri, keadaan cuaca buruk atau kerosakan mekanikal pesawat, kereta api atau kapal.

Perlindungan di bawah Seksyen ini hanya terpakai kepada pengangkut berjadual yang anda telah sahkan menurut peraturan pengangkut.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar:

- 1) apa-apa peristiwa akibat daripada:
 - a) kegagalan anda untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan seperti pada jadual perjalanan yang diberikan kepada anda.
 - b) kelewatan anda tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas daftar masuk atau tempahan (kecuali tiba lewat disebabkan oleh tindakan industri).
 - c) terputus sambungan disebabkan oleh kelewatan pada mana-mana satu destinasi perhentian (termasuk transit).
 - d) pampasan kecuali anda telah menerima pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan, kereta api dan kapal atau agen pengendalian mereka yang menunjukkan jadual masa permulaan perjalanan dan masa permulaan perjalanan sebenar penerbangan, perjalanan atau pelayaran tersebut.
 - e) Kelewatan perjalanan disebabkan oleh mogok atau tindakan industri yang bermula atau diumumkan sebelum tarikh permulaan perjalanan dari rumah anda.
 - f) Kegagalan perkhidmatan pengangkutan awam yang disebabkan oleh mogok atau tindakan industri yang bermula atau telah diumumkan sebelum tarikh pelepasan dari rumah anda.

Manfaat 15 – Kenderaan Perjalanan Terlebih Tempah

Sehingga RM250 di bawah Skim Individu dan sehingga RM500 di bawah Skim Keluarga untuk perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung untuk penginapan, makanan dan perjalanan yang tidak boleh didapati semula daripada sesiapa pun semasa anda dalam perjalanan di luar negara semasa Tempoh Insurans jika anda tidak berjaya menaiki penerbangan berjadual anda disebabkan oleh terlebih tempahan dan anda

memiliki tiket penerbangan yang telah disahkan.

Manfaat 16 – Kelewatan Bagasi

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar balik:

Sehingga RM600 di bawah skim Individu dan sehingga RM1,000 di bawah skim Keluarga bagi pembelian kecemasan yang mustahak seperti keperluan diri yang asas dan pakaian ditolak apa-apa amaun pampasan yang dibayar sebelumnya sama ada oleh pengangkut atau pihak lain jika barangan dan bagasi peribadi anda selain daripada dokumen terlewat atau tersalah letak untuk tempoh sekurang-kurangnya 8 jam dari waktu ketibaan di destinasi perjalanan di luar negara. Resit untuk item yang dibeli hendaklah diserahkan kepada kami bersama tuntutan anda dan apa-apa amaun yang dibayar akan ditolak daripada pembayaran tuntutan terakhir di bawah Seksyen 3 (Manfaat 8) sekiranya item tersebut hilang secara kekal.

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar balik untuk:

1. tuntutan yang tidak diisytiharkan kepada pengangkut jika bagasi anda lewat atau hilang
2. kehilangan atau kelewatan yang anda telah menerima penggantian atau pampasan daripada pengangkut atau pihak lain
3. apa-apa pembelian yang dibuat setelah anda menerima bagasi anda daripada pengangkut
4. kelewatan bagasi apabila ia berlaku pada perjalanan pulang anda ke wilayah asal anda
5. tuntutan yang dibuat di bawah Seksyen ini jika tuntutan telah dibuat di bawah Seksyen 3 (Manfaat 8) Polisi ini

Manfaat 17 – Perlindungan Kos Melancong

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Kami akan membayar orang yang diinsuranskan untuk kerugian deposit yang tidak boleh dikutip semula atau caj telah dibayar terlebih dahulu hanya jika perjalanan dibatalkan disebabkan oleh penutupan Ajen Perjalanan / Operator Pelancongan disebabkan masalah kewangan atau keingkarannya membayar.

Kami berhak untuk mendapatkan kembali apa-apa kerugian yang telah dibayar yang boleh didapati daripada mana-mana sumber lain termasuk program kerajaan, skim insurans, syarikat penerbangan dan agensi perjalanan.

Had pembayaran kami

Amaun maksimum yang kami akan bayar di bawah seksyen ini ialah RM7,500 (Skim Individu) dan RM15,000 (Skim Keluarga)

SEKSYEN 4 – LIABILITI

Manfaat 18 - Liabiliti Peribadi

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami akan membayar:

Sehingga RM1,000,000 (Skim Individu atau Keluarga) ditambah kos yang telah dipersetujui antara kita secara bertulis yang anda secara undang-undangnya bertanggungjawab untuk membayar akibat daripada:

- a) kecederaan atau penyakit mana-mana orang
- b) kerugian atau kerosakan ke atas harta yang bukannya milik dan bukannya di bawah kawalan anda atau mana-mana ahli keluarga
- c) kerugian atau kerosakan ke atas penginapan perjalanan anda yang bukannya milik anda atau mana-mana ahli keluarga yang

berlaku semasa Tempoh Insurans

Bagi setiap orang yang diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk:

- 1) apa-apa liabiliti untuk kerugian atau kerosakan ke atas harta atau kecederaan, penyakit
 - a) yang dialami oleh seseorang di bawah Kontrak Perkhidmatan dengan anda atau ahli keluarga dan disebabkan oleh kerja yang mereka digaji untuk membuatnya
 - b) kepada mana-mana ahli keluarga
 - c) disebabkan oleh apa-apa tindakan yang sengaja atau yang ditinggalkan
 - d) apa-apa tindakan sengaja, berniat jahat atau di luar undang-undang oleh anda atau ahli keluarga
 - e) disebabkan oleh pekerjaan, profesion atau perniagaan anda atau mana-mana ahli keluarga
 - f) disebabkan oleh pemilikan, penjagaan atau pengawalan anda ke atas apa-apa binatang
 - g) yang indemniti diberikan di bawah apa-apa insurans yang digunakan oleh anda melalui perjanjian yang tidak mengambilkira ketiadaan perjanjian sedemikian
- 2) Pampasan atau kos disebabkan kemalangan melibatkan:
 - a) apa-apa tanah atau bangunan atau penggunaannya oleh atau bagi pihak anda selain daripada penginapan sementara perjalanan anda
 - b) harta yang dimiliki oleh atau dipegang secara amanah oleh atau di bawah kawalan anda atau mana-mana ahli keluarga
 - c) kenderaan berkuasa mekanikal dan apa-apa treler yang disambungkan
 - d) pesawat, kenderaan air bermotor atau perahu layar
- 3) Penghakiman yang tidak pada mulanya diberikan atau diperolehi daripada mahkamah dengan kuasa yang kompeten di Malaysia.

Manfaat 19 – Perbelanjaan Guaman

Kami akan membayar Perbelanjaan Guaman Anda yang ditanggung dengan kebenaran bertulis kami untuk membela sebarang tuntutan terhadap Anda kerana kecuaiannya yang menyebabkan Kecederaan Anggota kepada pihak ketiga atau kerosakan kepada harta pihak ketiga disebabkan oleh kemalangan yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan semasa Perjalanan di luar negara.

Dengan syarat amaun keseluruhan yang perlu dibayar di bawah seksyen ini untuk pampasan dengan kebenaran bertulis kami untuk semua tuntutan akibat apa-apa peristiwa atau rentetan peristiwa yang disebabkan oleh satu kejadian asal tidak boleh melebihi RM50,000 dibawah skim Individu atau Keluarga.

SEKSYEN 5 – PERKHIDMATAN KECEMASAN

TERMA DAN SYARAT BANTUAN PERUBATAN 24 JAM

Perjanjian telah dibuat dengan Pembekal Perkhidmatan Sah untuk menyediakan perkhidmatan bantuan kecemasan seperti dinyatakan di bawah sebagai manfaat tambahan untuk ahli Orang yang diinsuranskan (Ahli) di bawah polisi ini.

Ahli boleh membuat panggilan caj balikan / pindah bayaran kepada Asia Assistance Alarm Centre 24 sehari, 365 hari (atau 366 hari dalam tahun lompat) dari mana-mana tempat diluar Malaysia dengan setiap perjalanan yang tidak melebihi 185 hari berturut-turut.

SKOP PERKHIDMATAN BANTUAN PERUBATAN

1. Nasihat Perubatan Melalui Telefon dan Penilaian Keadaan Ahli

Apabila nasihat perubatan diperlukan semasa perjalanan di luar Malaysia, Ahli perlu menelefon Pembekal Perkhidmatan Sah untuk bantuan dan nasihat. Doktor Pembekal Perkhidmatan Sah yang bertugas akan memberikan bantuan menerusi telefon.

Penting:

Perbualan telefon tidak membenarkan pewujudan diagnosis dan mestilah dianggap sebagai nasihat sahaja.

2. Rujukan Perubatan dan Aturan Temu Janji Perubatan

Apabila diminta, Pembekal Perkhidmatan Sah boleh membuat usaha yang terbaik untuk memberikan nama, alamat dan nombor telefon doktor (termasuk pengamal umum dan pakar), hospital, doktor gigi dan klinik gigi. Dan apabila diminta, Pembekal Perkhidmatan Sah akan cuba untuk mengesahkan kekosongan profesional perubatan atau profesional gigi yang berkenaan bagi membuat temu janji untuk rawatan.

3. Aturan Jaminan Kemasukan Hospital.

Jika Ahli meminta kemasukan hospital secara kecemasan Pembekal Perkhidmatan Sah akan membantu menguruskan jaminan kemasukan hospital. Ahli diminta memastikan kesemua bil hospital dijelaskan terus selepas keluar dari hospital. Perkhidmatan sedemikian tertakluk kepada Pembekal Perkhidmatan Sah menerima jaminan pembayaran daripada ahli keluarga / rakan Ahli.

4. Penghantaran Ubat yang Tidak Terdapat di Kawasan Setempat

Pembekal Perkhidmatan Sah akan menghantar ubat yang diperlukan yang tidak terdapat di kawasan setempat dalam kes kecemasan apabila Ahli membuat perjalanan di luar Malaysia dan apabila peraturan setempat membenarkan penghantaran sedemikian.

5. Pemindahan Perubatan

Berikutan kes kecemasan perubatan, apabila kemudahan perubatan dan hospital setempat tidak mencukupi, Pembekal Perkhidmatan Sah akan mengatur pemindahan di bawah penyeliaan perubatan berterusan ke kemudahan perubatan mencukupi yang terdekat.

6. Repatriasi Perubatan Terselia

Jika doktor Pembekal Perkhidmatan Sah, selepas berunding dengan doktor setempat yang menyelia, memutuskan bahawa selepas distabilkan, rawatan perlu diteruskan di kemudahan perubatan yang lebih hampir dengan rumah, Pembekal Perkhidmatan Sah akan mengaturkan repatriasi di bawah penyeliaan perubatan berterusan.

Ambil perhatian, untuk Perkhidmatan Pemindahan dan Repatriasi Terselia, Pembekal Perkhidmatan Sah akan menguruskan perkhidmatan dan Syarikat Insurans akan membayar kosnya sehingga RM300,000.

Semua keputusan untuk Pemindahan Perubatan dan Repatriasi Perubatan Terselia seperti kaedah pengangkutan dan destinasi terakhir akan dibuat oleh Pembekal Perkhidmatan Sah atau wakil sahnyanya dan akan hanya dibuat berdasarkan keperluan perubatan.

7. Lawatan Belas Kasihan

Jika Ahli dimasukkan ke hospital di luar Malaysia untuk tempoh lebih dari 5 hari berturut-turut, Pembekal Perkhidmatan

Sah akan mengatur dan Syarikat Insurans akan membayar untuk satu tiket balik pesawat kelas ekonomi untuk seorang daripada saudara atau rakan orang yang diinsuranskan untuk bersama dengan Ahli.

8. Perjalanan Balik Kanak-anak yang Bersama Ahli

Jika Ahli dimasukkan ke hospital di luar Malaysia untuk tempoh lebih dari 5 hari berturutan dan keadaan kesihatan Ahli menghalang Ahli daripada menjaga kanak-kanak tersebut dan tiada saudara di tempat itu yang dapat menjaga mereka, Pembekal Perkhidmatan Sah akan mengatur dan Syarikat Insurans akan membayar untuk pengangkutan kelas ekonomi untuk mereka balik ke Malaysia.

9. Penghantaran Balik Mayat

Jika Ahli meninggal dunia semasa perjalanan akibat penyakit atau kemalangan, Pembekal Perkhidmatan Sah atau wakil sahnya akan mengatur rancangan untuk membawa balik mayat ke Malaysia. Syarikat Insurans akan membayar kosnya sehingga RM10, 000.

PERKHIDMATAN BANTUAN PERJALANAN

10. Keperluan Visa, Pasport dan Inokulasi

Pembekal Perkhidmatan Sah akan menyediakan maklumat berhubung keperluan Visa, inokulasi, pasport atau imunisasi negara asing yang Ahli akan lawati.

11. Mengesan Barang Hilang

Pembekal Perkhidmatan Sah akan membantu Ahli mengesan bagasi, dokumen dan item peribadi yang hilang. Syarikat penerbangan, pihak berkuasa kerajaan dan pengeluar kad kredit adalah antara mereka yang akan dihubungi jika perlu.

12. Penyampaian Pesanan Kecemasan

Dalam kes kecemasan, Pembekal Perkhidmatan Sah akan cuba mewujudkan penyampaian pesanan kebangsaan atau antarabangsa kepada satu penerima.

13. Aturan penerbangan

Pembekal Perkhidmatan Sah akan membantu berkenaan aturan penerbangan untuk perjalanan balik keluarga jika mereka membuat perjalanan bersama Ahli.

14. Rujukan guaman

Sekiranya Ahli memerlukan bantuan guaman semasa kecemasan ketika dalam perjalanan, Pembekal Perkhidmatan Sah akan merujuk Ahli kepada penasihat guaman setempat.

15. Rujukan kepada jurubahasa / penterjemah

Sekiranya Ahli memerlukan bantuan penterjemahan semasa kecemasan ketika dalam perjalanan, Pembekal Perkhidmatan Sah akan merujuk Ahli kepada penterjemah setempat.

PENGECUALIAN

Keadaan berikut adalah dikecualikan daripada Program Bantuan Kecemasan ini:

1. Pemandangan perubatan kecemasan, repatriasi atau kos yang tidak diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Pembekal Perkhidmatan Sah dan/atau tidak diaturkan oleh Pembekal Perkhidmatan Sah.
2. Jika Orang Yang Diinsuranskan membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan.

3. Jika Orang Yang Diinsuranskan membuat perjalanan bagi tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau berehat dan pemulihan berikutan kemalangan atau penyakit terdahulu.

4. Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak mengalami keadaan perubatan yang serius atau jika rawatan boleh secara munasabah dilewatkan sehingga Orang Yang Diinsuranskan kembali ke Malaysia atau Negara Yang Biasa Didiami.

5. Penyertaan Orang Yang Diinsuranskan dalam apa-apa konflik bersenjata (sama ada sivil atau ketenteraan), mogok, rusuhan atau kekecohan sivil, penentangan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa tentera termasuk berkhidmat dalam tentera atau apa-apa pasukan bersenjata mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa selain daripada latihan tentera simpanan ketika waktu aman.

6. Keadaan perubatan yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear, radiasi ion atau pencemaran akibat radioaktiviti daripada bahan api nuklear atau sisa nuklear.

7. Kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berjaga-jaga setelah amaran berkenaan sebarang mogok, rusuhan atau kekecohan sivil melalui media massa.

8. Kecederaan yang dilakukan sendiri, bunuh diri atau percubaan membunuh diri, gangguan mental atau psikiatrik, penagihan atau salah guna dadah, salah guna alkohol, penyakit berjangkit secara seksual, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa keadaan atau penyakit berkaitan AIDS.

9. Apa-apa perbelanjaan bersalin, keguguran, kehamilan (kecuali kehamilan tidak normal atau kehamilan berkomplikasi penting yang membahayakan nyawa ibu dan/atau anak yang belum lahir) melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan.

10. Apa-apa perbelanjaan yang datang daripada semua jenis perlumbaan (selain daripada lumba lari/jalan kaki), pameran sukan, terjunan *bungee*, mendaki gunung atau batu yang memerlukan penggunaan pemandu atau tali, selaman skuba, aktiviti aeronautik atau penerbangan selain daripada penumpang berbayar dalam pesawat komersial atau persendirian berlesen dan semua sukan yang dipraktikkan sebagai profesion.

11. Jika Orang Yang Diinsuranskan terlibat atau turut serta dalam apa-apa tindakan di luar undang-undang atau haram.

12. Penahanan, pemusnahan, perampasan oleh kastam atau pihak berkuasa kerajaan, pelanggaran peraturan kerajaan.

13. Apa-apa keadaan kesihatan yang menjadi salah satu sebab perjalanan tersebut dibuat.

14. Kos pengebumian di Malaysia atau di Negara Kediaman Yang Biasa Orang Yang Diinsuranskan.

ENDORSEMEN

(terlampir kepada dan adalah sebahagian daripada Polisi ini)

KEGANASAN & RAMPASAN

Meskipun, apa-apa peruntukan yang berlawanan di dalam insurans semula tersebut atau sebarang endorsmen padanya adalah dipersetujui bahawa insurans semula tersebut tidak akan memasukkan ancaman pengganasan akan tetapi sebagai satu- satunya keputusan terhadap senjata pemusnah besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimanapun akan diedarkan atau dikumpulkan.

Untuk tujuan klausa ini:

1. Ancaman pengganas bermaksud perbuatan, atau pelbagai perbuatan, sebarang individu, atau sekumpulan individu, yang komited terhadap politik, keagamaan, idealogi atau keadaan yang sama dengan tujuan untuk mempengaruhi sebarang kerajaan dan / atau meletakkan orang ramai, atau sebahagian orang ramai, dalam ketakutan. Ancaman pengganas juga termasuk, tetapi tidak dihadkan kepada, penggunaan kekerasan atau keganasan dan / atau ancaman dari perkara tersebut.
Tambahan pula, anasir-anasir pengganas boleh bertindak secara bersendirian, atau bagi pihak, atau mempunyai kaitan dengan sebarang organisasi atau kerajaan. Merampas adalah bermaksud sebarang perampasan, atau perbuatan terkawal secara paksa atau ganas dengan ancaman secara paksa atau keganasan serta dengan tujuan yang salah.
2. Penggunaan senjata nuklear pemusnah besar-besaran bermaksud menggunakan sebarang peletup senjata nuklear atau alat atau pemancaran, pemunggaran, penyuraian, perlepasan atau penyebaran bahan-bahan yang boleh menyebarkan tahap radioaktif yang berkemampuan untuk menyebabkan ketidakupayaan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
3. Penggunaan senjata kimia pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pemunggaran, penyuraian, perlepasan atau penyebaran sebarang bahan pepejal, cecair atau campuran gas kimia di mana, apabila dikeluarkan secara bersesuaian, adalah berkemampuan untuk menyebabkan ketidakupayaan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
4. Penggunaan senjata biologi pemusnah besar-besaran bermaksud pemancaran, pemunggaran, penyuraian, perlepasan atau penyebaran sebarang agen patogenik (pembawa penyakit), mikro-organisme, dan / atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisme yang diubahsuai secara genetik dan toksin yang disintesis secara kimia) yang berkemampuan untuk menyebabkan ketidakupayaan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.

LANJUTAN TEMPOH INSURANS

Jika disebabkan kematian, kecederaan atau penyakit anda atau sesiapa yang membuat perjalanan dengan anda atau disebabkan oleh kelewatan atau gangguan perkhidmatan pengangkutan awam yang di luar kawalan anda, anda tidak dapat menamatkan perjalanan anda sebelum luputnya insurans ini, Tempoh Insurans akan secara automatik dilanjutkan tanpa premium tambahan untuk tambahan hari yang secara munasabah perlu sehingga:

- a) 14 hari jika apa-apa kenderaan, kapal laut yang anda naiki sebagai penumpang bertiket terlewat
- b) 30 hari jika perjalanan balik dirancang terhalang disebabkan oleh kecederaan anggota atau anda terkena penyakit yang penyebabnya termasuk dalam polisi ini

BAYAR SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi asas dan syarat mutlak khusus kontrak insurans ini yang premium matang mestilah dibayar dan diterima oleh kami sebelum perlindungan bermula.

KLAUSA PENGIKTIRAFAN DATA

Tiada insurans di bawah Polisi ini berhubung apa-apa tuntutan yang apa pun sifatnya, yang timbul secara langsung daripada atau melibatkan kegagalan atau ketidakupayaan apa-apa:

- a) litar elektronik, mikrochip, litar bersepadu, sistem mikro pemproses terbenam, peralatan, perisian, komputer berprogram, peralatan memproses data, peralatan atau sistem telekomunikasi atau apa-apa alat yang serupa.
- b) Media atau sistem yang digunakan berkaitan perkara yang disebutkan di atas
sama ada harta orang yang diinsuranskan, pada bila-bila masa untuk mencapai apa-apa atau kesemua tujuan dan kesan turutan yang dirancang dengan penggunaan apa-apa nombor, simbol atau perkataan untuk menandakan satu tarikh termasuk tanpa penghehahan, kegagalan atau ketidakupayaan untuk mengiktiraf, merekod, menyimpan, mendapat, atau memulihkan dan/atau memanipulasi dengan betul, mentafsir, transit, memulangkan, mengira atau memproses apa-apa tarikh, maklumat data, perintah, logik atau arahan disebabkan oleh:
 - i mengiktiraf penggunaan atau mengambil apa-apa tarikh, tarikh sesuatu minggu atau tempoh masa, selain daripada, tarikh sebenar, hari sesuatu minggu atau tempoh masa
 - ii operasi apa-apa perintah atau logik, yang telah diprogramkan atau dimasukkan ke dalam sesuatu, merujuk kepada (a) dan (b) di atas.

Klausa ini tidak terpakai berkenaan dengan

- a) Seksyen 1 – Kemalangan Diri
- b) Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan dan Perbelanjaan Lain
- c) Seksyen 4 – Liabiliti Peribadi

HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

KOMUNIKASI

Bagi surat menyurat am, pertanyaan dan tuntutan, sila hubungi:

- a) **Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan Liberty General Insurance Berhad**
Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2268 3333 or 1-300-888-990
E-mel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

b) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2698 8044 (General Line)/

1-300-88-5465 (BNMLINK)

Fax No.: 03-2174 1515

e-Link: bnmlink.bnm.gov.my

E-mel : bnmlink@bnm.gov.my

Laman Web: www.bnm.gov.my

c) Ombudsman for Financial Services (664393P) /

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,

4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2272 2811

Fax No.: 03-2272 1577

E-mel: enquiry@ofs.org.my

Laman Web: www.ofs.org.my

Bagi bantuan kecemasan, nasihat perubatan atau perjalanan seluruh dunia, sila hubungi:

Talian Bantuan Kecemasan 24 Jam – Pembekal Perkhidmatan Sah (M) Sdn Bhd: (603) – 7965 3977

NOTA:

- A) Maksimum liability bagi Orang Yang Menginsurankan terhadap kepada RM3, 000,000 bagi salah satu nyawa sehingga kepada maksimum RM60,000,000 setiap penyampaian /kejadian/ peristiwa.
- B) Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana – mana terma atau syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.
- C) Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

BAHAGIAN IN DIBIARKAN KOSONG SECARA SENGAJA

BAHAGIAN IN DIBIARKAN KOSONG SECARA SENGAJA